

10/05/2000

Calon mesti terima keputusan

BERSYUKUR kita ke hadrat Allah SWT, persidangan tahunan Umno kali ke-54 dapat diadakan mengikut jadual. Hari ini seramai 666 perwakilan Pemuda dan 673 perwakilan Wanita akan mendengar amanat Timbalan Presiden, seterusnya memilih ketua, timbalan dan ahli Exco mereka. Pada Khamis, 2,017 perwakilan akan menyertai persidangan yang akan dirasmikan oleh Presiden. Lewat petang esok, perwakilan dan lebih 2.8 juta ahli akan mengetahui siapa yang akan memegang jawatan Naib Presiden dan 25 ahli Majlis Tertinggi (MT).

Persidangan ini adalah untuk meneruskan perjuangan agama, bangsa dan negara tanpa sebarang gangguan dan cabaran getir. Tahniah kepada setiap perwakilan yang terpilih untuk hadir tahun ini. Kita berharap apa jua peristiwa yang berlaku dalam Umno beberapa bulan lalu yang barangkali sedikit sebanyak menampilkan imej buruk parti sama ada ketika mesyuarat cawangan atau bahagian, harus dilihat oleh semua pihak sebagai satu proses biasa. Ahli Umno bersyukur segala proses pemilihan perwakilan peringkat cawangan dan bahagian berjalan lancar meskipun berlaku sedikit kekecohan.

Semuanya kita ibaratkan sebagai "air dicincang tidak akan putus". Sehubungan itu, apa jua keghairahan dalam usaha meletakkan diri ke carta kemenangan, semua pihak mesti melihat ia sebagai keinginan kuat setiap calon untuk berada dalam barisan hadapan perjuangan parti untuk berkhidmat. Dalam proses itu, memang tidak dapat dinafikan akan berlaku tuduh menuduh dan memburuk-burukkan sesetengah pemimpin oleh sesetengah pihak. Namun, bagi ahli Umno yang sudah matang berpolitik dan tetap sayangkan Umno, mereka pandai menilai fakta dan arif membezakan di antara yang baik dan buruk. Mereka tidak boleh lagi menerima tohmahan atau dakwaan bermusim yang hanya berasaskan kepada sentimen untuk menang dalam pemilihan.

Seperti persidangan tahun-tahun sebelumnya, selain pengalaman dan kematangan ahli Umno, ada beberapa faktor penting pemilihan tahun ini yang perlu kita hayati bersama hingga tidak menampakkan sebarang keretakan dalam parti. Pertama, Presiden Umno tidak ditentang oleh mana-mana calon walaupun ia dibenarkan dan sokongan padu yang diberikan kepada salah seorang Naib Presiden untuk memegang jawatan Timbalan Presiden Umno. Faktor ini tidak wujud pada pemilihan 1987 yang akhirnya menyebabkan Umno berpecah dua dan muncul parti serpihan, Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46).

Bagi jawatan Naib Presiden, semuanya diberi peluang sama rata iaitu mesti mendapat peratusan kelayakan sebelum boleh bertanding. Lantaran itu, proses pemilihan jawatan tertinggi parti peringkat Pusat kali ini dapat dijalankan dengan sempurna. Semangat pemilihan tahun ini jauh berbeza dengan proses pemilihan 1987 akibat sikap beberapa pemimpin yang berkerat rotan.

Sekali lagi ahli Umno mengucapkan tahniah kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kembali dipilih tanpa bertanding untuk menerajui parti bagi menghadapi alaf 2000 yang kian mencabar. Tahniah juga kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kini dipersetujui sebulat suara oleh ahli untuk memegang jawatan Timbalan Presiden Umno.

Kini pertandingan ditumpukan kepada tiga jawatan Naib Presiden yang ditandingi oleh sembilan tokoh dan jawatan MT. Bagi ahli Umno apa pun keputusannya nanti adalah proses biasa dalam Umno yang memegang teguh kepada amalan demokrasi. Sememang menjadi adat pertandingan, ada yang

menang dan ada yang kalah. Apa yang perlu dihayati ialah pertandingan dalam Umno adalah proses menawarkan diri untuk bekerja demi parti dan memilih kepemimpinan yang berketrampilan. Bagi yang tidak terpilih, tidak bererti perkhidmatan mereka tidak diperlukan lagi. Lagipun yang bakal menghadapi cabaran sama ada pembangkang mahupun perkembangan semasa selepas ini bukannya individu yang menang, tetapi parti Umno dan ahli secara keseluruhan. Lantas itu, kemenangan calon dalam pemilihan ialah kemenangan semua. Kita mahu semua yang bertanding jawatan tertinggi parti menerima keputusan perwakilan dengan hati terbuka. Apa yang lebih penting, mereka yang tewas tidak menyimpan niat untuk memusnahkan parti. Perlu diingat selalu, Umno bukan hak individu tetapi seluruh umat Melayu.

Kepada perwakilan, seperti tahun-tahun lalu bermesyuaratlah dengan penuh tertib dan sopan mengikut adab bersidang. Sebagai wakil kepada ahli Umno lain kita berharap mereka dapat mencurahkan pelbagai pandangan yang bernas selama empat hari dan tidak merapu yang bukan-bukan demi menentukan arah tuju parti dan masa depan orang Melayu. Selamat bersidang.

(END)